



## **Persatuan Pelajar Malaysia Korea(PPMK)**

*Malaysian Student Association  
in the Republic of Korea*

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

Ruj: PPMK/HC/A2/Bil (1)

Tarikh: 29 Sept 2020

Kepada semua ahli PPMK,

Saudara/Saudari,

### **PROSEDUR BAGI PELAJAR MALAYSIA DI KOREA YANG INGIN PULANG KE MALAYSIA DAN KELUAR DARI MALAYSIA**

Merujuk kepada perkara di atas, terdapat beberapa prosedur yang wajib dilalui untuk pulang atau keluar dari Malaysia. Perkara ini berdasarkan informasi yang telah pihak kami peroleh daripada Kedutaan Besar Malaysia di Republik Korea sehingga tarikh 15 September 2020.

2.Berikut merupakan prosedur yang perlu dilalui sebelum pulang ke Malaysia dan pulang semula ke Korea untuk menyambung pengajian.

#### **2.1. Prosedur Pulang ke Malaysia:**

- i. Isi Surat Aku Janji/*Letter of Undertaking* (LoU) yang boleh didapati melalui pautan yang telah dilampirkan bersama surat ini. Sila kosongkan ruangan (Pengesahan di Pihak Kerajaan Malaysia) yang akan diisi oleh pegawai di lapangan sewaktu tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia nanti. Sila hubungi pejabat konsular di Kedutaan Besar Malaysia sekiranya terdapat apa-apa keraguan mengenai LoU.
- ii. Sediakan salinan PDF LoU yang telah diisi, salinan pasport dan salinan itinerari penerbangan dan diemelkan kepada [mwseoul@kln.gov.my](mailto:mwseoul@kln.gov.my). Pejabat konsular di Kedutaan Besar Malaysia akan mengemukakan Notis Perjalanan melalui emel sekiranya permohonan tersebut telah diluluskan. Disarankan untuk mengemukakan permohonan sebelum tarikh pelepasan bagi memberi ruang kepada pihak kedutaan untuk memproses dan mengesahkan permohonan tersebut.



## Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)

Malaysian Student Association

in the Republic of Korea

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

- iii. Sila buat permohonan Permit Masuk Semula/*Re-Entry Permit* di mana-mana Pejabat Imigresen Republik Korea. Selain itu, permit tersebut boleh juga dipohon di kaunter imigresen Lapangan Antarabangsa Korea Selatan. Sekiranya tidak berbuat demikian, visa anda akan dibatalkan dan saudara/saudari tidak dibenarkan untuk masuk semula ke Korea.
- iv. Setelah tiba di Malaysia, Ujian Saringan COVID-19/*COVID-19 Swab Test* akan dilakukan dan harus ditanggung sendiri. Ujian Saringan COVID-19 dibahagikan kepada tiga jenis dan harga bagi setiap ujian saringan adalah berbeza. Sila rujuk lampiran untuk maklumat lanjut.
- v. Kuarantin selama 14 hari di pusat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan adalah wajib dan harus ditanggung sendiri. Bayaran harus dilaksanakan sewaktu daftar masuk/*check-in* di pusat kuarantin. Anda berkemungkinan diminta untuk membayar secara deposit atau sepenuhnya. Oleh yang demikian, disarankan untuk menyediakan ringgit Malaysia sewaktu pulang ke Malaysia. Kos maksima kuarantin yang harus dibayar oleh warganegara Malaysia adalah sebanyak RM150 sehari.
- vi. Disarankan untuk menghubungi pihak tajaan masing-masing untuk mengetahui butiran lanjut mengenai tuntutan kos kuarantin. Namun begitu, hanya pelajar dalam golongan B40 sahaja yang akan dikecualikan daripada membayar Ujian Saringan COVID-19/*COVID-19 Swab Test*.
- vii. Sekiranya pelajar perlu melakukan transit di mana-mana lapangan terbang di Malaysia, disarankan untuk menghubungi lapangan terbang di destinasi transit dan akhir terlebih dahulu bagi memaklumkan tentang pelaksanaan penerbangan transit untuk mengelakkan kekeliruan prosedur kuarantin.
- viii. Prosedur untuk pulang/*back for good* ke Malaysia adalah prosedur yang sama seperti di atas kecuali pelajar tidak perlu memohon Permit Masuk Semula/*Re-entry Permit*.

### 2.2. Prosedur pulang ke Korea:

- i. Pelajar yang menyambung pengajian atau yang baru mendapat tawaran belajar (termasuk tanggungan) adalah dikecualikan daripada memohon kelulusan dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Pelajar dikehendaki menunjukkan dokumen sokongan seperti visa jangka panjang, surat penerimaan pihak universiti, surat



## Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)

*Malaysian Student Association  
in the Republic of Korea*

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

tajaan (jika berkaitan bagi pelajar tajaan sahaja), bukti penempatan di Korea dan sebagainya kepada pegawai imigresen sebelum berlepas ke luar negara.

- ii. Sila pastikan visa yang digunakan masih sah. Sekiranya visa tersebut telah tamat tempoh, pelajar tidak dibenarkan untuk keluar dari Malaysia atau memasuki Korea. Permohonan perlanjutan visa boleh dibuat di Kedutaan Besar Republik Korea, Kuala Lumpur, Malaysia.
- iii. Saringan perubatan COVID-19/*COVID-19 diagnosis report* di pusat kesihatan wajib dilakukan dan harus mengemukakan Slip Saringan Perubatan COVID-19/*COVID-19 diagnosis report* di kaunter imigresen Korea sewaktu tiba di Korea nanti.
- iv. Setelah tiba di Korea, pelajar wajib menjalani kuarantin di rumah sendiri atau di pusat kuarantin yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan kos maksima kuarantin yang dikenakan adalah sehingga KRW2,100,000 bagi tempoh 14 hari.

3. Adalah diingatkan bahawa, saudara/saudari haruslah mematuhi peraturan dan garis panduan ketika berkuarantin. Sekiranya pelajar didapati melanggar peraturan kuarantin di Korea atau di Malaysia, PPMK tidak akan bertanggungjawab untuk membantu anda.

4. Prosedur keluar masuk akan berubah dari masa ke masa mengikut keperluan dasar terkini berdasarkan perkembangan semasa COVID-19. Oleh yang demikian, saudara/saudari harus peka dan bertanggungjawab mengikuti perkembangan serta perubahan dasar negara Malaysia dan negara Republik Korea.

5. Pelajar disarankan untuk berbudi bahasa ketika menghubungi mana-mana agensi kerajaan.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi PPMK melalui emel [myppmk@gmail.com](mailto:myppmk@gmail.com) atau melalui mana-mana ahli jawatankuasa kami. Kami berharap para pelajar dapat mengharungi cabaran ini bersama dan sentiasa menjaga kesihatan diri.

Segala kerjasama daripada pihak saudara/saudari amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.



**Persatuan Pelajar Malaysia Korea(PPMK)**

*Malaysian Student Association*

*in the Republic of Korea*

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

---

**“Pengetahuan untuk Pembangunan”**

Yang menjalankan tugas,

**THAMIL SELVAN A/L S. KUMARESAN**

Presiden

Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)



## Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)

Malaysian Student Association

in the Republic of Korea

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

### Lampiran A

#### 1. Pautan untuk Rujukan

Bil	PERKARA	PAUTAN
1.	Homepage Kedutaan Besar Malaysia di Republik Korea	<a href="https://www.kln.gov.my/web/kor_seoul/home">https://www.kln.gov.my/web/kor_seoul/home</a>
2.	Surat Aku Janji/ <i>Letter of Undertaking</i> (LoU)	<a href="https://www.kln.gov.my/documents/34265/0/Letter+of+Undertaking/383d4566-720f-40f2-bce1-1a73dae68ad3">https://www.kln.gov.my/documents/34265/0/Letter+of+Undertaking/383d4566-720f-40f2-bce1-1a73dae68ad3</a>
3.	Maklumat tambahan berkenaan Permit Masuk Semula/ <i>Re-entry Permit</i>	<a href="http://viewer.moj.go.kr/skin/doc.html?rs=/result/bbs/229&amp;fn=temp_1590390542930100">http://viewer.moj.go.kr/skin/doc.html?rs=/result/bbs/229&amp;fn=temp_1590390542930100</a>
4.	Proses Kemasukan dan Kuarantin <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) yang tiba dari luar Negara.	<a href="https://www.kln.gov.my/documents/8390448/8392184/BI_GARIS+PANDUAN+PROSES+KEMASUKAN+DAN+KUARANTIN+PERSON+UNDER+SURVEILLANCE+%28PUS%29+YANG+TIBA+DARI+LUAR+NEGARA+BERMULA+24+JULAI+2020.pdf/50bfb333-a1ed-4bfb-8602-b7a29907a6aa">https://www.kln.gov.my/documents/8390448/8392184/BI_GARIS+PANDUAN+PROSES+KEMASUKAN+DAN+KUARANTIN+PERSON+UNDER+SURVEILLANCE+%28PUS%29+YANG+TIBA+DARI+LUAR+NEGARA+BERMULA+24+JULAI+2020.pdf/50bfb333-a1ed-4bfb-8602-b7a29907a6aa</a>
5.	Homepage Kedutaan Besar Republik Korea di Malaysia	<a href="http://overseas.mofa.go.kr/my-en/index.do">http://overseas.mofa.go.kr/my-en/index.do</a>
6.	Homepage Jabatan Imigresen Korea	<a href="http://www.immigration.go.kr/immigration_eng/index.do">http://www.immigration.go.kr/immigration_eng/index.do</a>

#### 2. Maklumat Pejabat Pendidikan dan Latihan di Kedutaan Besar Malaysia di Republik Korea

### PUAN KATHLEEN MUJAN NANDONG

Penasihat Pendidikan dan Latihan Seoul

Emel: [kathleen.nandong@jpa.gov.my](mailto:kathleen.nandong@jpa.gov.my)



## Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)

Malaysian Student Association

in the Republic of Korea

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

No Tel: 010-5948-0231

### CIK NIK IZYAN BINTI NIK OMAR AL-HADED

Setiausaha Ketiga Pendidikan dan Latihan Seoul

Emel: [izyan.alhaded@jpa.gov.my](mailto:izyan.alhaded@jpa.gov.my)

No Tel: 010-8261-8813

### 3. Maklumat Wakil Tajaan

Bil	Tajaan	NAMA	NO TEL	EMEL
1.	JPA	JOSHUA WALTER	010-4253-4880	<a href="mailto:ioshuawalter97@gmail.com">ioshuawalter97@gmail.com</a>
2.	MARA	AMIRUL HAZWAN BIN ISMAIL	010-2976-9706	<a href="mailto:amirulhazwan1997@gmail.com">amirulhazwan1997@gmail.com</a>
3.	YTM	LEE WEI KIAT	010-7649-1571	<a href="mailto:leeweikiat274@gmail.com">leeweikiat274@gmail.com</a>
4.	KGSP	SITI NURHIDAYAH BINTI MOHD AZHAR (DIDY)	010-3442-9606	<a href="mailto:didy.azhar1506@gmail.com">didy.azhar1506@gmail.com</a>

### 4. Maklumat AJK Agama dan Kebajikan PPMK

Bil	NAMA	NO TEL	EMEL
1.	MUHAMMAD SAFWAN BIN RAHAIMI	010-3025-2705	<a href="mailto:msafwanr17@gmail.com">msafwanr17@gmail.com</a>
2.	LEOW WEN LI	010-4648-1512	<a href="mailto:leowwendy1512@gmail.com">leowwendy1512@gmail.com</a>

### 5. Maklumat Ujian Saringan COVID-19/COVID-19 Swab Test

Bil	UJIAN PENGESAHAN COVID-19	HARGA
1.	Tindak Balas Berantai <i>Polymerase</i>	RM150
2.	Kit Ujian Pantas <i>Antigen</i>	RM60
3.	Kit Ujian Pantas <i>Antibody</i>	RM30



## Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)

Malaysian Student Association

in the Republic of Korea

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

### 6. Maklumat Imigresen Malaysia

Official Website:

<http://www.imi.gov.my/index.php/en>

Feedback Email:

[hotline.klia@imi.gov.my](mailto:hotline.klia@imi.gov.my)

Bil	NAMA	NO TEL	EMEL
1.	Director of Immigration KLIA Immigration Divisions Ground Level, Airport Management Centre KL International Airport 64000 Sepang, Selangor	Tel: +603-8776-8001 Fax: +603-8787-4190	<a href="mailto:pinklia@imi.gov.my">pinklia@imi.gov.my</a> <a href="mailto:aishahkirin@imi.gov.my">aishahkirin@imi.gov.my</a>
2.	Head of Immigration Operation KLIA 2 Mohamed Yusoff Khan Moh Hassan	+603-8778-5462	<a href="mailto:yusoff_khan@imi.gov.my">yusoff_khan@imi.gov.my</a>
3.	Deputy Head of Immigration Operation KLIA 2 Ash Rizal Bin Abdul Rahman	-	<a href="mailto:ashrizal@imi.gov.my">ashrizal@imi.gov.my</a>
4.	Admin Office, AMC Building (Immigration)	+603-8776-8018	-
5.	Operation Office, Immigration KLIA	+603-8776-3681	-
6.	Operation Office, Immigration KLIA 2	+603-8778-5468/85475	-
7.	Nur Ain Binti Muhammad Yusuf Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)	-	<a href="mailto:ainyusuf@nadma.gov.my">ainyusuf@nadma.gov.my</a>



**Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK)**

*Malaysian Student Association*

*in the Republic of Korea*

Di Bawah Jagaan Kedutaan Besar Malaysia, 4-1, Hannam Dong, Yongsan-Gu, 140-884, Seoul, Republik Korea

7. Sample Emel ketika Menghubungi Agensi Kerajaan

Subject: PERMOHONAN (KELUAR/MASUK) MALAYSIA BAGI (SILA NYATAKAN TUJUAN)

Ybhg. Datuk/Tuan/Puan

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk,

2. Saya (*Nama Penuh*), nombor kad pengenalan (*No. KP*) dan nombor pasport Malaysia (*No. passport*) ingin memohon kebenaran untuk keluar/masuk Malaysia pada (*tarikh penerbangan*) bagi (*tujuan dinyatakan secara terperinci*)

3. Bersama ini dilampirkan dokumen-dokumen berikut untuk makluman dan perhatian Ybhg Datuk/Tuan/Puan:

- i. (sila senaraikan dokumen lampiran)
- ii.
- iii.

Pertimbangan dan kelulusan pihak Ybhg. Datuk/Tuan/Puan atas permohonan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

TANDA TANGAN

NAMA PENUH

NO KP & PASPORT

JURUSAN/TAHUN

UNIVERSITI

(NO. TELEFON)

-Tamat Lampiran -